

BAB 1 : LANGKAH KESELAMATAN DI DALAM MAKMAL
KERTAS 1

1. Peralatan perlindungan diri yang berikut, digunakan di dalam makmal sekolah kecuali?
A Kot makmal
C Topi keselamatan
B Topeng muka
D Sarung tangan getah
2. Antara berikut, yang manakah merupakan fungsi goggles?
A Melindungi mata daripada kepanasan
B Melindungi mata daripada sinar ultraungu
C Melindungi mata daripada terkena bahan kimia berbahaya
D Melindungi muka daripada terkena bahan kimia berbahaya
3. Antara bahan berikut, yang manakah perlu dikendalikan di dalam kebuk wasap?
A Etanol
B Air suling
C Larutan ammonia
D Asid hidroklorik pekat
4. Antara bahan berikut, yang manakah merupakan ciri-ciri bahan yang boleh dibuang ke dalam singki?
A Bahan yang reaktif
B Mempunyai nilai pH 6
C Mempunyai nilai pH 10
D Sebatian pelarut organik
5. Semasa sekumpulan murid menjalankan eksperimen di makmal, sebatang termometer merkuri telah jatuh ke lantai dan pecah. Antara tindakan berikut, yang manakah tidak sepatutnya dilakukan oleh murid tersebut?
A Maklumkan kepada guru dengan segera
B Jadikan kawasan tumpahan sebagai kawasan larangan
C Kutip serpihan kaca dan tumpahan merkuri menggunakan tangan
D Tabur serbuk sulfur untuk menutupi tumpahan
6. Bagaimanakah sisa biologi seperti darah perlu dilupuskan?
A Dimasukkan ke dalam bekas khas
B Dibuang ke dalam tong sampah
C Dinyahkontaminasi secara autoklaf
D Dibalut di dalam tisu dan disejukbekukan
7. Apakah jenis pemadam kebakaran yang boleh memadamkan kebakaran melibatkan peralatan elektrik?
A Air
B Buih dan air
C Serbuk kering dan buih
D Karbon dioksida dan serbuk kering

8. Apakah kebaikan pemadam api ABC?

- A Ringan
- B Mudah diselenggara
- C Hanya perlu disembur sekali sahaja
- D Boleh memadamkan kebakaran jenis cecair sahaja

9. Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya bahagian badan seseorang terbakar?


- A Guna air untuk memadamkan api
- B Sembur dengan buih
- C Selimutkan dengan selimut kebakaran
- D Guna pasir untuk memadamkan api

10. Sekolah anda telah didatangi oleh pegawai dari Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan audit ke atas alat pemadam kebakaran. Berikut ialah perkara yang diperiksa kecuali

- A tarikh luput pemadam kebakaran
- B jenis pemadam kebakaran
- C bilangan pemadam kebakaran
- D pembekal pemadam kebakaran

KERTAS 2 Bahagian B

1. Rajah 1 menunjukkan alat pemadam kebakaran yang biasa dijumpai di kawasan sekolah.



. Rajah 1 Diagram 1

a) Nyatakan warna label bagi pemadam kebakaran X dan Y.

X : Y :
[2 markah]

b) Berdasarkan rajah, nyatakan satu pemadam api yang boleh memadam kebakaran yang melibatkan minyak masak.


.....
[1 markah]

c) Senaraikan dua perkara yang perlu diberi perhatian semasa menjalankan audit alat pemadam kebakaran di sekolah.

i)

ii)
[2 markah]

2. Rajah 2 menunjukkan satu kebakaran yang sering berlaku di rumah.



Rajah 2

a) Apakah punca kebakaran diatas?

.....
[1 markah]

b) Apakah jenis pemadam kebakaran yang paling sesuai digunakan untuk kebakaran tersebut?

.....
[1 markah]

c) Apakah jenis pemadam kebakaran yang tidak sepatutnya digunakan bagi kebakaran yang ditunjukkan dalam Rajah 2? Jelaskan jawapan anda.

.....
.....
[2 markah]

d) Nyatakan dua perkara yang perlu ditekankan semasa audit alat pemadam kebakaran.

.....
.....
[2 markah]